

Sungai Melaka makin ceria

BA 25/1

Projek pembangunan fasa ketiga dengan penyediaan laluan pejalan kaki hampir siap, jadi tarikan sektor pelancongan

Oleh Rozmanshah Abdullah

MELAKA: Daripada sebatang sungai yang dipenuhi lumpur dan kelo-dak, dicemari sampah sarap dan bangkai terapung, Sungai Melaka kini sudah jauh berubah, menjadi sungai yang bersih dan jernih airnya.

Perubahan ketara yang berlaku itu adalah hasil kesungguhan kerajaan negeri yang mahu menjadikan Sungai Melaka satu tarikan utama sektor pelancongan di negeri Hang Tuah itu.

Cetusan ilham menaik taraf Sungai Melaka datangnya daripada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, yang kagum dengan dengan konsep Sungai San Antonio di Texas, Amerika Syarikat.

Sungai San Antonio yang pada mulanya suram bertukar ceria selepas dimajukan dan sehingga kini menjadi sebutan sebagai salah satu keajaiban tarikan pelancongan di Amerika Syarikat.

Kini, projek pembangunan Sungai Melaka sedang memasuki fasa ketiga dan sedang menghampiri penamatnya dengan sebahagian besar laluan pejalan kaki serta taman berhampiran sungai sudah hampir siap.

Muara Sungai Melaka menjadi titik permulaan sambutan pelancong apabila feri dari negara seberang mudik ke jeti pelabuhan dan disajikan dengan pemandangan indah Sungai Melaka merentasi bandar Melaka.



INDAH: Pelancong yang datang ke Melaka tidak melepaskan peluang menaiki bot bagi melawat dan menikmati pemandangan di sepanjang Sungai Melaka.

“Pelbagai tarikan serta pengisian sudah direncanakan untuk memeriahkan Pesta sungai 2007”

Mohd Sofee Ibrahim

*Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan
Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka*

Panorama ini tambah menarik dengan kebanyakan bangunan dan kawasan warisan sejarah di Melaka terletak berhampiran Sungai Melaka.

Kompleks Muzium yang pelbagai, Jonker Walk, Memorial Kemerdekaan, Kota A Famosa, Stadthuys, Padang Nyiru, Taman Rempah dan Kampung Morten semuanya terletak berhampiran Sungai Melaka.

Tidak mustahil jika Sungai Melaka, selepas siapnya Pintu Air Pasang Surut pada Jun depan, menjadi antara alternatif pengangkutan awam kerana pintu terbabit akan menjadikan Sungai Melaka berada pada kadar air yang terkawal.

Perjalanan menerusi Sungai Melaka akan berjalan lancar, tidak lagi bergantung kepada kadar pasang surut sungai terbabit, malah kegiatan ekonomi berasaskan sungai mungkin akan mengalami cetusan kebangkitan ekonomi baru.

Perancangan memartabatkan Sungai Melaka kini di bawah satu badan penguurusan iaitu Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka.

Bagi pelancong dan pelawat luar, kesempatan menikmati keindahan Sungai Melaka akan dapat dirasai sepenuhnya sempena Pesta Sungai 2007 mulai 1 hingga 8 Julai ini, membabitkan pelbagai aktiviti di 13 lokasi terkenal di sekitar Melaka.

Pesta berkenaan dijangka akan dihadiri artis terkenal seperti Mawi, Faizal, Aznil, Felix dan Amylia yang akan membuat persembahan khas pada malam pembukaan pesta terbabit.

Sepanjang lapan hari pesta berkenaan, pelancong dalam dan luar negara akan disajikan dengan aktiviti berkaitan sungai seperti pesta memancing, pesta berkayak, sukan jet ski dan aktiviti melawat pulau.

Aktiviti perniagaan juga digalakkan dan pasar malam Jonker Walk dijangka dibuka setiap hari sepanjang pesta terbabit.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Mohd Sofee Ibrahim, berkata pelbagai tarikan serta pengisian sudah direncanakan untuk memeriahkan Pesta sungai 2007.

Beliau berkata, antara tarikan pesta berkenaan adalah kepada 53 acara yang sudah disusun khas sebagai pengisian kepada pesta berkenaan.

FAKTA NOMBOR

Pesta Sungai 2007

13

Lokasi terkenal

8

Hari pesta berlangsung

53

Acara disusun